

MAKLUM BALAS MENGENAI INSIDEN KEMALANGAN DAN DAKWAAN SIMBAHAN MINYAK DI KM75.7

ANIH Berhad ambil maklum mengenai kemalangan di KM75.7 hala Timur pada 3 Julai 2017.

Syarikat turut mengambil maklum mengenai isu yang ditularkan oleh pengguna di media sosial berhubung dakwaan wujudnya kesan minyak akibat daripada simbahana minyak oleh individu yang tidak bertanggungjawab di lokasi yang sama, sejak Isnin petang, 3 Julai 2017. (<http://www.worldofbuzz.com/multiple-cars-lose-control-crash-karak-highway-due-to-truck-scam/>).

Berikutan dakwaan berkenaan, Syarikat telah membuat laporan di Ibu Pejabat Polis (IPD) Bentong, Pahang bagi membolehkan pihak berkuasa menjalankan siasatan terperinci mengenai dakwaan yang mengaitkan kawasan berkenaan telah disimbah minyak oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Justeru Syarikat tidak dapat mengulas lanjut kerana tidak mahu mengganggu proses siasatan kes berkenaan.

Sementara insiden itu kini dalam siasatan polis, ANIH Berhad ingin memaklumkan bahawa Syarikat sentiasa melihat kepada pelbagai cara untuk menambah baik dan meningkatkan lagi aspek keselamatan di lebuh raya kendalian Syarikat, khususnya di beberapa kawasan panas yang sentiasa berlaku kemalangan, dan ini termasuklah di kawasan jajaran di KM75.5.

Antara langkah-langkah penambahbaikan aspek keselamatan yang telah dibuat Syarikat di kawasan yang kerap berlakunya kemalangan termasuklah melaksanakan inisiatif seperti di bawah:

1. Had Laju 70km/jam
2. Tanda amaran selekoh tajam di hadapan.
3. Memasang "micro surfacing" (Ralumac).

4. Memasang jalur beralun atau “rumble strips” di selekoh tajam dan kawasan yang kerap berlaku kemalangan.
5. Komunikasi berterusan dengan pihak polis untuk memantau sekiranya wujud sebarang aktiviti khianat.
6. Sentiasa memastikan pemantauan dan pemerhatian khas dibuat oleh peronda lebuh raya di kawasan yang kerap berlakunya kemalangan.

Selain daripada inisiatif di atas, Syarikat juga akan menambahkan lagi bilangan papan tanda amaran di kawasan yang kerap berlakunya kemalangan, khususnya di KM75.7.

Berdasarkan siasatan IPD Bentong, didapati kesan tumpahan minyak itu berpunca daripada kesan kemalangan yang berlaku di lokasi yang sama sebelumnya.

Selain itu, Syarikat ingin menarik perhatian bahawa insiden tular mengenai dakwaan berlakunya simbahan minyak turut pernah ditularkan pengguna sebelum ini hinggakan Syarikat mengambil inisiatif menjemput Aduan Rakyat (TV3) untuk membuat liputan dan membetulkan semula persepsi pengguna terhadap kejadian.

Oleh yang demikian, Syarikat akan terus mengingatkan pengguna supaya sentiasa mematuhi undang-undang jalan raya, khususnya dengan memandu mengikut had laju yang ditetapkan.

Syarikat juga turut memohon pengguna untuk menghubungi terus talian hotline ANIH Berhad di 09-547 9111 sekiranya berdepan atau mendapat maklumat yang berkaitan sebarang aktiviti khianat yang berlaku di dalam jajaran Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1).

-Tamat-

Tentang ANIH Berhad

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 250 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di KM 250 Terengganu, LPT menyingkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. ANIH Berhad juga adalah pemegang konsesi Lebuhraya KL-Seremban. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuh raya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan AlloyMtd.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

1. Fazlyaton Hussein, Ketua, Komunikasi Korporat
fazlyaton.hussein@alloymtd.com
2. Ahmad Farizal Abdul Hajat, Naib Presiden, Komunikasi Korporat
farizal.hajat@alloymtd.com
3. Sofia Roseli, Eksekutif, Komunikasi Korporat
sofia.roseli@alloymtd.com

Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:

**Jabatan Komunikasi
AlloyMtd Group**

1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-6195 1111 Fax : 03-6188 0101 Website : www.alloymtd.com